



PEOPLE-ORIENTED OF ZAKAT INSTITUTION FROM MAQASID SYARIAH PERSPECTIVE

MERAKYATKAN INSTITUSI ZAKAT MENURUT PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH

MOHD IZZUDDIN BIN MOHD NOOR

Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

E-mel: izzuddin@kuim.edu.my

FATIMAH NADIRAH BINTI MOHD NOOR

Pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka.

E-mel: fatimahnadira@kuim.edu.my

FARRAH YAZMIN BINTI AZIZ

Calon Sarjana Pengajian Islam, Kluster Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti
Terbuka Malaysia. E-mel: farrahazminaziz@gmail.com

BADRIAH BINTI NORDIN

Pensyarah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Kolej Profesional Baitulmal
Kuala Lumpur. E-mel: badriah@kpbkl.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 27TH SEPT. 2020: REVISED – 9TH DEC. 2020: ACCEPTED – 11TH JAN. 2021)

ABSTRACT

The institution of zakat is one of the most important institutions in Muslim life. It is a driving force to the development of the survival of society. Hence, it needs to be close to the heart of the people. Thus, the purpose of this study is to look at the ways that can be used to make the zakat institution people-oriented from the Maqasid Syariah point of view. This qualitative study will gather information from classical and contemporary books, scientific studies, current fatwas related to the institution of zakat and Maqasid Syariah. All of the information will be scrutinized to get the best conclusion about the steps that can be taken to people-oriented zakat institution from Maqasid Syariah's perspective. The result of this study shows that

Maqasid Syariah can be a guideline instrument for making the zakat institution people-oriented.

Keywords: People-Oriented; Zakat; Maqasid Syariah.

ABSTRAK

Institusi zakat merupakan salah satu daripada institusi yang sangat penting dalam kehidupan umat Islam. Ia menjadi nadi penggerak kemajuan untuk kelangsungan hidup masyarakat. Justeru, ia perlu berada dekat di hati rakyat. Maka kajian ini bertujuan untuk melihat kaedah-kaedah yang boleh digunakan bagi merakyatkan institusi zakat dari sudut Maqasid Syariah. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menghimpunkan maklumat daripada kitab-kitab turath, kontemporari, kajian ilmiah dan fatwa semasa berkaitan dengan institusi zakat dan Maqasid Syariah. Kesemua maklumat ini akan diteliti bagi mendapatkan gambaran sebenar berkaitan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk merakyatkan institusi zakat daripada perspektif Maqasid Syariah. Hasil kajian menunjukkan Maqasid Syariah boleh menjadi instrumen panduan bagi merakyatkan institusi zakat.

Kata Kunci: Merakyatkan; Zakat; Maqasid Syariah.

PENDAHULUAN

Zakat merupakan rukun Islam yang menjadi kewajipan asas bagi setiap Muslim selepas daripada kewajipan solat. Ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Nabi SAW dalam satu hadis:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامَ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءَ الزَّكَاةِ، وَالْحَجِّ، وَصَوْمَ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Dibina Islam atas lima perkara: mengucap dua kalimah bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Muhammad pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji, dan puasa dibulan Ramadan.” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bahkan banyak ayat al-Quran yang menggabungkan kewajipan solat dengan kewajipan zakat. Hal ini menunjukkan bahawa selepas menjaga hubungan dengan Allah SWT, orang Islam dituntut menjaga hubungan dan kemaslahatan sesama mereka dengan menunaikan ibadah zakat.

Zakat dari sudut sosial dan kemasyarakatan merupakan lambang indikator kepada kedudukan dan taraf ekonomi umat Islam. Ia menjadi jambatan yang menghubungkan antara golongan kaya dengan golongan miskin atas dasar keimanan dan semangat membantu sesama orang Islam. Dengan itu, institusi yang menguruskan hal ehwal zakat merupakan institusi yang sangat penting dalam komuniti orang Islam. Hal ini demikian kerana institusi tersebut terlibat secara langsung dalam urusan mengumpulkan harta zakat yang dibayar dan seterusnya mengagihkan kepada mereka yang berkecukupan.

Imej institusi zakat perlu dipelihara daripada anasir-anasir yang boleh mencemarkan nama baiknya demi memastikan kelangsungan pembayaran zakat oleh masyarakat dan juga pengagihan zakat kepada golongan yang memerlukan. Pada masa yang sama, institusi zakat mesti kelihatan sebagai sebuah badan yang mesra rakyat dan dekat di hati masyarakat. Perkara-perkara yang melibatkan karenah birokrasi dan pentadbiran harus diminimumkan bagi memudahkan segala urusan yang berkaitan dengan zakat. Pendekatan yang berbeza perlu diguna pakai untuk berinteraksi dengan golongan kaya dan golongan miskin.

Begitu juga, kaedah berkomunikasi dengan rakyat marhaen di luar bandar juga berbeza dengan di bandar. Hal ini demikian kerana latar belakang, persekitaran, tahap pendidikan yang berbeza di antara dua golongan ini. Semua ini memerlukan kepada *skill* dan kemahiran yang mantap bagi menarik minat dan sokongan golongan kaya untuk menyumbang zakat manakala golongan miskin tidak berasa tersisih daripada agenda pengagihan zakat. Ini bertujuan untuk mengurus perdanakan institusi zakat dalam kehidupan umat Islam di negara ini. Institusi zakat benar-benar perlu kelihatan sebagai sebuah badan kebajikan yang terkedepan dan menjuarai isu-isu kesusahan dan penderitaan hidup masyarakat.

KAJIAN LEPAS

Zakat dari sudut bahasa membawa maksud bertambah dan berkembang, manakala dari sudut syarak adalah kadar khusus daripada sebahagian jenis-jenis harta yang wajib diberikan kepada asnaf tertentu apabila memenuhi syarat-syarat tertentu (Mustafa Al-Khin et.al, 2011). Harta zakat mesti diagihkan kepada lapan golongan yang dinaskan dalam al-Quran (Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani et.al, 2018).

Menurut Zubair Amir Nur Rashid et.al, (2019) jaminan pemeliharaan kepada lima perkara yang terdapat dalam Maqasid Syariah iaitu agama, diri (nyawa), akal, keturunan, harta akan memberikan masalah dan menolak kemudaratan kepada manusia. Maqasid Syariah telah mengesahkan bahawa masalah perlu diberi perhatian manakala mafsadah pula perlu diawasi dalam usaha menetapkan sebarang keputusan berasaskan syariat (Mohamad Zaidi Abdul Rahman, 2015).

Pada sudut pengurusan zakat, Mohd Faisol Ibrahim (2015) mendapati bahawa penggunaan ICT merupakan salah satu cara untuk menyampaikan maklumat terkini berkaitan dengan zakat secara pantas tanpa sempadan tempat dan masa. Selain daripada itu, institusi zakat perlu merangka pelan strategik yang efektif dan komprehensif atas dasar institusi zakat sebagai pemberi perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada pembayar zakat (Mohd Farihal Osman et.al, 2019).

Aktiviti penerangan berkaitan dengan zakat juga perlu diberikan penekanan termasuklah dengan operasi masjid melalui khutbah, ceramah dan forum (Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab, 2010). Oleh yang demikian, pembayaran zakat bergantung kepada peranan institusi zakat mengagihkan zakat dan jika pembayar zakat berpuas hati terhadap pengurusan institusi zakat, maka mereka akan membayar zakat secara langsung kepada institusi zakat. (Mohd Rusydi Ramli & Luqman Abdullah, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pengkaji mengumpulkan maklumat daripada sumber rujukan seperti kitab-kitab turath dan kontemporari, buku-buku, artikel-artikel, kajian-kajian ilmiah dan

fatwa-fatwa semasa berkaitan dengan zakat, Maqasid Syariah dan pengurusan. Semua maklumat yang dikumpul akan diteliti dan dianalisis bagi mendapatkan gambaran yang terbaik berkenaan dengan merakyatkan institusi zakat dari sudut pandang Maqasid Syariah. Analisis dilakukan dengan membandingkan pendapat-pendapat ulama silam dan moden berkaitan sesuatu pengertian istilah, dan hukum-hakam. Pandangan ulama-ulama tersebut akan disesuaikan dengan fatwa semasa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti negeri-negeri.

HASIL KAJIAN

Maqasid Syariah merupakan pecahan ilmu Syariah yang memainkan peranan penting dalam mengekalkan keanjalan dan kerelevanan Syariah dalam berhadapan perubahan zaman dan keadaan. Ia merupakan salah satu daripada wasilah atau medium bagi proses pengeluaran hukum dan fatwa terbaru dalam perkara yang tidak mempunyai dalil dan hujah yang jelas daripada sumber hukum tertinggi iaitu al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Penyerapan elemen Maqasid Syariah dalam proses istinbat hukum mampu menghasilkan hukum yang menonjolkan keindahan Islam. Maqasid Syariah merupakan istilah gabungan daripada dua perkataan iaitu Maqasid dan Syariah. Maqasid adalah perkataan jamak bagi perkataan maqsad dan ia berasal daripada perkataan قصد, iaitu bermaksud kekal dalam sesuatu perjalanan yang lurus, pergantungan, melakukan sesuatu, keazaman (Al-Zabidi, t.t).

Syariah pula dari sudut bahasa membawa maksud tempat yang membolehkan kewujudan air kepada penunggang haiwan dan peminum air daripada sungai. Manakala Syariah dari sudut istilah pula adalah apa yang disyariatkan Allah SWT atas lisan nabinya Muhammad SAW dalam urusan agama (Ibnu Hazm, t.t). Manakala Maqasid Syariah dari sudut istilah adalah kebaikan yang diinginkan oleh Allah SWT atas pensyariatan hukum syarak (Makhdum, 1999). Kebaikan yang dimaksudkan ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Imam al-Ghazali iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda (Al-Ghazali, 1993). Maka kajian ini, akan memfokuskan hanya kepada lima aspek daruriyyat ini sahaja,

walaupun tidak dinafikan bahawa skop perbincangan ilmu Maqasid Syariah adalah luas dan banyak.

حفظ الدين (MENJAGA AGAMA)

Agama merupakan nikmat anugerah daripada Allah SWT yang sangat besar dalam kehidupan seharian manusia. Maka, agama merupakan perkara pertama yang perlu dijaga. Penjagaan agama membawa maksud mengukuhkan pelaksanaan rukun agama dan hukum-hukumnya dalam kehidupan dunia (Al-Khadimi, 2001). Hal ini membawa maksud segala pelaksanaan rukun Islam dan hukum-hukum Islam mestilah menjadi keutamaan dalam sistem pentadbiran dan pengurusan.

Pada konteks ini, aspek pembayaran zakat merupakan perkara yang perlu diberikan perhatian dan penekanan kerana membayar zakat adalah rukun Islam yang ketiga selepas mengucap dua kalimah syahadah dan mendirikan solat sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Keengganan membayar zakat merupakan satu dosa yang besar jika keengganan ini disertakan dengan penafian akan kewajipan zakat. Individu yang mengingkari kewajipan zakat disebabkan kejahilannya kerana baru memeluk Islam atau tinggal jauh di kawasan pedalaman, tidak mendapat maklumat akan kewajipan zakat, maka dia tidak dikira kafir, tetapi jika sekiranya seseorang itu tinggal di negara Islam yang dikelilingi oleh ramai ulama, masih juga menafikan kewajipan zakat, maka dia dikira sebagai kafir (Ibnu Qudamah, t.t).

Begitu juga, telah menjadi ijmak di kalangan ulama bahawa menafikan kewajipan zakat oleh seseorang Muslim pada zaman sekarang menyebabkan dia menjadi kafir (Al-Nawawi, 1970). Oleh sebab itu, Abu Bakar RA telah banyak menghabiskan masanya berusaha keras menentang golongan yang menafikan kewajipan zakat pada zaman pemerintahannya. Bahkan beliau pernah mengungkapkan kata-kata berikut: “Demi Allah, sungguh aku akan memerangi sesiapa yang membezakan antara solat dan zakat, maka sesungguhnya zakat adalah hak harta” (Al-Bukhari, 2000).

Berdasarkan ucapan Abu Bakar RA ini, jelas kepada kita keengganan membayar zakat merupakan isu yang serius dan perlu ditangani segera supaya tidak berakar umbi dalam masyarakat.

Perkara ini perlu menjadi agenda nasional negara dalam usaha merakyatkan institusi zakat dan dikira sebagai satu jenayah besar negara jika enggan membayar zakat. Pada hemat pengkaji, institusi zakat perlu diberikan kuasa dalam hal ini dengan kerjasama dan bantuan daripada pihak polis, sistem kehakiman mahkamah, penangkapan dan pendakwaan terhadap mereka yang enggan membayar zakat perlu dilakukan.

Selain daripada itu, dari sudut yang berlainan, pengkaji berpandangan bahawa atas tema menjaga agama Islam, dalam usaha merakyatkan institusi zakat, pemberian zakat kepada golongan yang bukan Islam juga perlu diteruskan malah diperhebatkan. Walaupun ulama khilaf berkenaan isu pemberian zakat kepada bukan Islam sama ada dikhususkan kepada Nabi SAW sahaja atau kekal sehingga hari ini. Namun, dalam mazhab Syafie telah menyatakan pandangan bahawa ianya kekal sehingga ke hari ini (Ibnu Rushd, 2004). Bahkan tafsiran kepada golongan yang dijinakkan hatinya itu pada mazhab Syafie termasuk golongan bukan Islam yang diharapkan kebaikan daripada mereka dengan pemberian harta zakat tersebut (Al-Syirazi, t.t).

Maka diharapkan dengan pemberian zakat kepada golongan bukan Islam oleh institusi zakat dapat memberikan *credit* yang banyak dan besar kepada institusi zakat yang dilihat sebagai badan penyebar dakwah dan rahmat Islam kepada seluruh rakyat dalam negara ini. Hal ini juga bertepatan dengan perkara yang telah dinyatakan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-79 yang bersidang pada 6-8 September 2007 iaitu kerajaan boleh memberikan zakat kepada golongan bukan Islam berdasarkan siasah dan keperluan dakwah kepada bukan Islam (JAKIM, 2016). Pada masa yang sama, dapat menambah keyakinan dan kepercayaan kepada masyarakat untuk membayar zakat kepada institusi zakat, disebabkan masalah dan manfaat yang besar dan luas disebalik pembayaran tersebut.

حفظ النفس (MENJAGA NYAWA)

Nyawa merupakan faktor terpenting yang menentukan sama ada manusia boleh meneruskan aktiviti kehidupan seperti biasa atau

aktiviti kehidupannya terhenti pada suatu peringkat masa apabila berlakunya kematian. Menjaga nyawa bermaksud memelihara nyawa daripada hilang sama ada nyawa individu mahupun masyarakat awam (Ibnu Asyur, 2004). Oleh sebab itu, syarak mewajibkan setiap orang Islam untuk makan, minum, berpakaian dan mempunyai tempat tinggal sebagai cara untuk mengekalkan nyawa. Semua ini diberikan pahala jika diniatkan sebagai mentaati perintah Allah SWT dan dikira sebagai dosa jika mengabaikan perkara yang boleh memelihara nyawanya. Selain itu, disyariatkan juga penjagaan kesihatan dan diharamkan memakan bangkai, darah, dan daging khinzir disebabkan mudarat yang terdapat pada perkara tersebut (Muhammad Abdul ‘Ati, t.t).

Begitu juga, diwajibkan kita memelihara kesejahteraan seluruh anggota tubuh badan untuk beribadah kepada Allah SWT, mata untuk melihat, tangan untuk menolak, lidah untuk berkata, kaki untuk berjalan (Ibnu Abdul Salam, 2002). Berdasarkan naratif ini, pengkaji berpandangan untuk merakyatkan institusi zakat, perhatian dan tumpuan yang lebih perlu diberikan kepada golongan gelandangan dan golongan kelainan upaya (OKU). Golongan gelandangan sebagaimana yang kita sedia maklum merupakan golongan yang tidak mempunyai rumah sebagai tempat tinggal, tiada sumber makan dan minum serta pakaian mereka tidak terurus. Setiap malam akan menumpang berteduh dan tidur di tepi premis perniagaan, di bawah jambatan dan bangunan, makan minum bagaikan kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Maka institusi zakat perlu bertindak aktif membantu, menyelami kesusahan dan penderitaan golongan ini.

Walaupun tiada pembahagian asnaf zakat yang khusus untuk golongan gelandangan, namun secara umumnya mereka boleh dikategorikan sebagai golongan faqir dan miskin. Menurut Mazhab Syafie: faqir ialah yang tidak mempunyai harta atau pendapatan, atau mempunyai kerja dan pendapatan tetapi tidak dapat memenuhi hajat keperluannya seperti mempunyai 2 dirham walaupun keperluan sebenarnya berjumlah 10 dirham, dan miskin pula ialah memiliki sesuatu yang tidak mencukupi bagi dirinya contohnya mempunyai 7 dirham walaupun keperluan sebenarnya 10 dirham dan mereka sebenarnya mempunyai makanan, minuman, dan pakaian yang

bersesuaian dengan taraf mereka (Al-Hisni, 1994). Berdasarkan kepada takrifan ini, tidak syak lagi penggunaan atau pemberian zakat untuk membantu golongan gelandangan merupakan perkara yang dibenarkan oleh syarak.

Golongan OKU diketahui akan keterbatasan mereka kerana kekurangan dari sudut fizikal dan anggota badan perlu disantuni oleh institusi zakat melalui asnaf al-Riqab. Tafsiran yang luas terhadap istilah al-Riqab oleh ulama selain daripada pengklasifikasiannya termasuklah golongan OKU oleh fatwa-fatwa seperti di Selangor dan Terengganu telah menyebabkan golongan OKU termasuk di kalangan mereka yang layak dibantu menggunakan harta zakat kecuali jika sekiranya mereka terdiri daripada golongan yang berharta dan sememangnya tidak perlu dan tidak mengharapkan bantuan. Jika mereka susah, mereka dibantu sebagai asnaf faqir atau miskin, jika tidak, mereka dibantu sebagai asnaf al-Riqab (Azman Ab Rahman, 2018).

Di samping itu, bertepatan dengan elemen menjaga nyawa ini, institusi zakat perlu melakukan ziarah kunjungan mesra ke hospital-hospital bagi melawat pesakit-pesakit yang terlantar, pesakit-pesakit biasa dan termasuklah situasi berlakunya kematian sama ada bagi meninjau keperluan dan hajat mereka atau terus memberikan sumbangan yang difikirkan boleh dilakukan atas nama zakat. Ini juga dapat membantu institusi zakat untuk mendapatkan data yang sebenar berkaitan dengan jumlah pesakit dan waris yang perlu dibantu.

حفظ العقل (MENJAGA AKAL)

Keistimewaan manusia jika dibandingkan dengan makhluk yang lain ialah manusia dikurniakan oleh Allah SWT dengan akal fikiran yang melayakkan mereka menjadi khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Dengan kurniaan akal, manusia dibebankan dengan taklifan hukum syarak dan Allah SWT telah mengarahkan manusia agar berfikir, dan mentadabbur serta merenung dengan menggunakan nikmat akal ini (Al-Khadimi, 2001). Pada Maqasid Syariah, aspek penjagaan akal itu salah satunya membawa kepada pengertian pembelajaran atau pendidikan (Al-Alami, 1994).

Oleh hal yang demikian, pengkaji berpandangan untuk merakyatkan institusi zakat, masyarakat perlu diberikan ilmu pengetahuan yang mencukupi tentang hukum-hakam zakat melalui silibus pengajian di sekolah. Silibus pengajian yang sedia ada perlu disemak dan dinilai daripada masa ke masa bagi melihat kesesuaian dengan peredaran zaman berkaitan dengan zakat. Dengan ilmu berikut, pelajar-pelajar dapat menyelami akan kepentingan zakat dalam kehidupan dan mengubah tanggapan mereka terhadap institusi zakat serta menghormatinya sebagai institusi yang mulia.

Pada peringkat pengajian tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi diseru untuk mewajibkan pelajar Islam terutamanya untuk mempelajari tentang zakat. Kursus Fiqh Zakat yang biasanya dipelajari oleh pelajar jurusan Syariah, perlu dijadikan kursus umum seperti kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS). Program-program pengajian sama ada di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda yang mengkhususkan pengajian kepada zakat perlu diperkenalkan dan diperluaskan kepada bakal mahasiswa.

Manakala aspek pemberian zakat, golongan pelajar dan mahasiswa boleh diberikan wang zakat. Ini merupakan pandangan jumhur mazhab termasuk mazhab Syafie (Al-Mausuah Al-Fiqhiyyah, t.t). Malah penajaan wang zakat dalam urusan menuntut ilmu perlu dipergiatkan dan bukan hanya dikhususkan kepada bidang pengajian Islam sahaja. Selain daripada itu, dalam cakupan pendidikan juga, rakyat perlu dididik akan kepentingan zakat melalui medium media massa dan media sosial.

حفظ النسب (MENJAGA KETURUNAN)

Keturunan yang baik dan generasi soleh pada masa akan datang merupakan idaman semua orang dan merupakan lambang kepada maruah seseorang. Antara cara menjaga keturunan menurut Maqasid Syariah adalah galakan untuk berkahwin (Al-Yubi, 1998). Perkahwinan merupakan perkara yang sangat dituntut untuk disegerakan bagi mereka yang berkemampuan. Ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh hadis Nabi SAW yang diriwayatkan Bukhari dan Muslim:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ أَغْنَىٰ لِلْبَصْرِ
وَأَخْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ

Maksudnya: “Wahai pemuda, sesiapa di kalangan kamu yang mampu untuk berkahwin, maka hendaklah dia berkahwin kerana perkahwinan itu menundukkan pandangan dan menyelamatkan kemaluan. Dan sesiapa yang tidak mampu untuk berkahwin, maka hendaklah dia berpuasa kerana ianya adalah satu bentuk perisai”.

Oleh ini, institusi zakat boleh menjadi pembantu kepada golongan muda untuk berkahwin dengan menganjurkan perkahwinan perdana. Pembiayaan perkahwinan ini boleh dilakukan dengan sebahagiannya ditanggung oleh institusi zakat manakala sebahagiannya lagi ditanggung sendiri oleh pengantin yang ingin melangsungkan perkahwinan. Dengan itu, boleh digunakan wang zakat daripada peruntukan asnaf fi Sabilillah yang mempunyai tafsiran yang luas di kalangan ulama merangkumi semua kebajikan am (Al-Qaradawi, 1973) seperti program nikah perdana.

حفظ المال (MENJAGA HARTA BENDA)

Harta benda merupakan pengantaraan bagi seseorang untuk mendapatkan sesuatu keperluan dan perkhidmatan. Sebahagian maksud menjaga harta dari sudut Maqasid Syariah adalah mengembangkan harta, memeliharanya daripada rosak, hilang dan berkurangan (Al-Khadimi, 2001). Tidak dapat dinafikan tindakan yang telah dilakukan oleh institusi zakat pada hari ini bagi membantu golongan asnaf yang susah bertepatan dengan penjagaan harta menurut Maqasid Syariah. Terdapat banyak inisiatif yang telah dilakukan oleh institusi zakat yang tidak lain tidak bukan bertujuan menjaga harta orang Islam yang diambil daripada golongan kaya diberikan kepada golongan miskin. Kedua-dua adalah untuk kemaslahatan golongan kaya dan miskin sama ada kemaslahatan di dunia mahupun di akhirat.

KESIMPULAN

Usaha-usaha yang boleh dilakukan dalam merakyatkan institusi zakat menurut perspektif Maqasid Syariah adalah; pertama dalam prinsip menjaga agama, institusi zakat perlu diberikan kuasa untuk menangani kes dan permasalahan golongan yang enggan membayar zakat walaupun berkemampuan. Manakala pemberian zakat kepada golongan bukan Islam harus diperbanyakan.

Kedua dalam prinsip menjaga nyawa, zakat digunakan untuk membantu golongan gelandangan dan OKU. Selain itu, ziarah kunjungan mesra kepada pesakit-pesakit di hospital dan waris-waris ahli keluarga yang telah meninggal dunia juga perlu dilakukan.

Ketiga dalam prinsip menjaga akal, ilmu pengetahuan yang secukupnya perlu diberikan kepada masyarakat akan kepentingan zakat. Di samping itu, pemberian wang zakat kepada penuntut ilmu yang tidak khusus kepada pengajian Islam sahaja. Penggunaan media pula sama ada media massa dan media sosial perlu dimaksimumkan untuk mendidik masyarakat tentang zakat.

Keempat dalam prinsip menjaga keturunan, wang zakat dimanfaatkan untuk membiayai perkahwinan terutamanya kepada golongan pemuda yang ingin melangsungkan perkahwinan. Terakhir, dalam prinsip menjaga harta benda adalah meneruskan semua agenda membantu golongan yang susah dengan memberikan sumbangan mengikut keperluan dan kehendak mereka.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2000). *Sahih Bukhari*. t.t: Dar Thuq Al-Najah.
- Muslim bin Hajjaj. (t.t). *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi.
- Al-Zabidi, Muhammad bin Muhammad. *Taj Al-'Arus*. t.t: Dar Al-Hidayah.
- Ibnu Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1992). *Lisan Al-Arab*. Beirut: Dar Al-Sadir.
- Ibnu Hazm, Ali bin Ahmad. (t.t). *Al-Ihkam Fi Usul Al-Ahkam*. Beirut: Dar Al-Afaq Al-Jadidah.
- Makhdum, Mustafa bin Karamatullah. (1999). *Qawaid Al-Wasail Fi Al-Syariah Al-Islamiyyah*. t.t.: Dar Al-Ishbiliya.

- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad. (1993). *Al-Mustasfa*. t.t: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Khadimi, Nuruddin bin Mukhtar. (2001). *Ilmu Al-Maqasid Al-Syariah*. t.t: Maktabah Al-'Abikan.
- Ibnu Asyur, Muhammad bin Tahir. (2004). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah Al-Awqaf Wa Syu'un Al-Islamiyyah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah bin Ahmad. (t.t). *Al-Mughni*. Kaherah: Maktabah Al-Kaherah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (1970). *Al-Minhaj Sharh Sahib Muslim*. Beirut: Dar Ihya' Turath 'Arabi.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2000). *Sahib Bukhari*. t.t: Dar Thuq Al-Najah.
- Ibnu Rushd, Muhammad bin Ahmad. (2004). *Bidayah Al-Mujtabid Wa Nihayah Al-Muqtasid*. Kaherah: Dar Al-Hadith.
- Al-Syirazi. Ibrahim bin Ali. (t.t). *Al-Mubazzab*. T.t.: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Muhammad Abdul 'Ati Muhammad 'Ali. (t.t). *Al-Maqasid Al-Syariah Wa Atharuba Fi Al-Fiqh Al-Islami*. Kaherah: Dar Al-Hadith.
- Mustafa Al-Khin et.al. (2011). *Al-Fiqh Manhaji*. Damshiq: Dar Al-Qalam.
- Abdul Aziz bin Abdul Salam. (2002). *Sajaratul Maarif Wa Al-Makrifah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Al-Hisni, Abu Bakar bin Muhammad. (1994). *Kifayah Al-Akhyar Fi Halli Ghayah Al-Ikhtisar*. Damshiq: Dar Al-Khair.
- Al-Alim, Yusuf Hamid. (1994). *Al-Maqasid Al-Ammah Li Syariah Al-Islamiyyah*. Riyadh: Al-Dar Al-'Alamiyyah lil Kitab Al-Islami.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1973). *Fiqh Zakat*. t.t: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Mausuab Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Wizarah Al-Awqaf Wa Syuun Al-Islamiyyah.
- Al-Yubi, Muhammad Saad bin Ahmad. (1998). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah Wa 'Alaqatuba Bil Adillah Al-Syariyyah*. Riyadh: Dar Al-Hijrah.
- Azman Ab Rahman. (2018). Kedudukan Orang Kelainan Upaya(OKU) Sebagai Asnaf Ar-Riqab Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*. 12(1), 37-54.

- Mohd Faisol Ibrahim. (2015). Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang. *Jurnal Pengurusan*. 42(2014), 119-130.
- Mohd Farihal Osman et.al. (2019). Merangka Strategi Pelan Tindakan Bagi Meningkatkan Kutipan Zakat. *Journal of Islamic, Social, Economics, and Development*. 4(18), 12-21.
- Zubair Amir Nur Rashid et.al. (2019). Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia: Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Business, Economics, and Laws*. 18(6), 81-90.
- Mohamad Zaidi Abdul Rahman. (2015). Aplikasi Maqasid Al-Syariah Dalam Pentadbiran Negara: Satu Tinjauan Sejarah Islam. *Jurnal Fiqh*. No 12, 29-56.
- Mohd Rusydi Ramli & Luqman Abdullah. (2016). Agihan Zakat Terus Kepada Asnaf: Analisis Fiqh Dan Kedudukannya Di Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 10, 87-100.
- Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani et.al. (2018). Analisis Hukum Penggunaan Dana Zakat untuk Pembangunan Model Takaful Mikro. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Vol. 3(2): 28-36.
- Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab. (2010). Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran. Dimuat turun daripada
https://www.academia.edu/7438954/PENGURUSAN_ZAKAT_DI_NEGERISELANGOR_ISU_DAN_CABARAN
 N
http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI_MUZAKARAH_MKI_2016.pdf (Diakses pada 26 September 2020).